

Sejarah T.4 Bab 9.3 Langkah Penggubalan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu

Nama :

Kelas :

Tarikh :

Susun pernyataan dibawah ikut abjadnya untuk membuat kronologi penggubalan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu Yang Merdeka .

A. Pada 9 Mei 1957, Tunku Abdul Rahman,Dato' Abdul Razak Hussein, Ong Yoke Lin dan V.T Sambanthan berlepas sekali lagi ke London untuk menyelesaikan isu –isu yang belum muktamad seperti kewarganegaraan. Beberapa pindaan telah dibuat pada draf perlembagaan.	B. Draf Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu akhirnya diluluskan oleh Parlimen British (London) dan Majlis Perundangan Persekutuan (27Ogos1957) Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 berkuat kuasa secara rasminya pada 31Ogos1957.	C. Memorandum Daripada Parti Politik dan Pihak Awam Terdapat pandangan yang berbeza tentang isu jus soli semasa menyediakan memorandum Parti Perikatan yang bernama Testament Amanah Politik Perikatan . Memorandum MCA menuntut semua sekolah bahasa Inggeris dan vernakular diteruskan. Semua sekolah kebangsaan mempelajari Bahasa Inggeris,Melayu,Cina dan Tamil. Masyarakat India dan Serani mahu hak mereka dipertahankan.	D. Reaksi Terhadap Draf Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu seperti * terdapat ahli UMNO ,PAS ,Dato' Onn Jaafar yang tidak setuju dengan konsep jus soli . Pas mahu Islam menjadi asas pemerintahan negara. Pas dan Umno juga menuntut bahasa Melayu dijadikan bahasa rasmi * ada pertubuhan Cina dan MIC yang mempertahankan bahasa masing-masing
E. Memorandum Daripada Raja-Raja Melayu Persekutuan yang merdeka mempunyai seorang Ketua Negara yang dikenali sebagai Yang di-Pertuan Agong . Yang di-Pertuan Agong dipilih oleh Raja-raja Melayu berdasarkan kekananan. Tempoh jawatan ialah 5 tahun. Raja-raja Melayu melindungi kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain.	F. Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu mengeluarkan draf perlembagaan yang mengandungi perkara berikut: - sistem kerajaan Persekutuan dengan negeri berkuasa tertentu - kewarganegaraan berdasarkan jus soli - kedudukan istimewa orang Melayu - konsep Raja Berperlembagaan dan seorang Yang di-Pertuan Agong untuk Persekutuan Tanah Melayu. - Parlimen dengan 2 Majlis Mesyuarat (Dewan Negara & Dewan Rakyat.	G. Hasil pindaan disembah perkenan dan dibincang dalam Majlis Raja-Raja	H. Draf ini kemudian dibawa ke Majlis Perundangan Persekutuan untuk dibentangkan dan dibahaskan pada 10 Julai 1957 hingga 11 Julai 1957

Drag dan drop abjad ke tempat yang sesuai :

1.	2.	3.	4.	5.	6.	7.	8.
----	----	----	----	----	----	----	----